

Meterai MoU di dasar laut Pulau Tioman

Sinar Harian 17/10/22 (1sain) m/s : 33

TIOMAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) melakar sejarah tersendiri apabila menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di dasar laut Pulau Tioman di sini baru-baru ini.

MoU itu ditandatangani Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin manakala TDA diwakili Pengurus Besarnya, Datuk Idros Yahya dan Pengurus Khidmat Pengurusan, Nor Zaihan Othman.

Yuserrie berkata, kerjasama itu bakal memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam usaha membangunkan organisasi terutama hal-hal berkaitan penyelidikan, pembangunan dan program bersama komuniti di Tioman.

Menurutnya, kerjasama itu juga melibatkan aktiviti akademik seperti peluang latihan industri bagi pelajar di pusat-pusat selaman atau agensi di bawah TDA.

“UMP turut bertanggungjawab untuk

berkongsi pengetahuan dan kepakaran terutama dalam pembangunan dan penyelidikan bersama komuniti di Tioman.

“Kita akan menerapkan pemahaman dan meneruskan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menjadi inti pati pembangunan di UMP untuk dibawa ke sana (Tioman),” katanya.

Sementara itu, Idros berkata, menerusi kerjasama itu, TDA menawarkan tempat untuk bersama-sama UMP dalam memperkasakan bidang pembangunan dan teknologi.

Ujarnya, terdapat 22 pulau di Tioman yang perlu dijaga sebagai produk pelancongan dan banyak perkara boleh dikaji serta diselidiki untuk pembangunannya.

“Melalui kerjasama ini TDA juga mengharapkan kepakaran UMP dalam membantu membangunkannya selain menjadikan Pulau Tioman sebagai lokasi aktiviti latihan atau kokurikulum pelajar,” jelasnya.

Yuserrie (kanan) dan Idros menyempurnakan majlis menandatangani MoU antara UMP dan TDA di dasar laut Pulau Tioman, baru-baru ini.

